

## PROMOSI KEISTIMEWAAN PERBANKAN PRIORITI HONG LEONG UNTUK KELUARGA ANDA

Terakhir dikemas kini pada 5 Januari 2021

“Promosi Keistimewaan Perbankan Prioriti Hong Leong Untuk Keluarga Anda ” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada 25 Januari 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan dimaklumkan sebaliknya dengan cara penghantaran di laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Web HLB”).

---

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Promosi (“T&S”):

### KELAYAKAN

1. Promosi terbuka untuk penyertaan oleh semua pelanggan HLB yang, sebelum atau semasa Tempoh Promosi, telah berjaya mendaftar untuk keahlian Priority Banking (“PB”), warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia (“Pelanggan PB”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.
2. **Pelanggan PB** dalam konteks ini merujuk kepada individu yang mengekalkan jumlah gabungan Aset Di Bawah Pengurusan (“AUM”) Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (**RM300,000**) atau sebarang jumlah lain yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari masa ke semasa (“**Baki Minimum**”).
3. Bagi tujuan yang terkandung di sini, istilah “**AUM**” yang bererti Aset Di Bawah Pengurusan bermaksud semua jumlah yang tetap menjadi kredit bagi mana-mana Akaun Deposit Tetap (“**FD**”), Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (“**CASA**”) dan/atau Akaun Mata Wang Asing dengan HLB dan jumlah pelaburan pokok dalam mana-mana Dana Unit Amanah (“**UT**”) dan/atau Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung (“**FRNID**”) dengan HLB pada satu-satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus akan dikecualikan sebagai sebahagian daripada AUM untuk membentuk kriteria kelayakan.
4. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) orang yang memohon untuk Keahlian PB, satu akaun bersama haruslah dibuka. Pemegang akaun bersama yang namanya pertama terapar dalam rekod HLB akan menjadi pemegang akaun utama (“**Pemegang Akaun Utama**”) dan pemegang akaun bersama yang lain adalah pemegang akaun sekunder (“**Pemegang Akaun Sekunder**”).
5. Promosi hanya sah untuk Pemegang Akaun Utama dan anak mereka.

### TATA CARA PROMOSI

6. Pelanggan PB boleh melanjutkan status Priority Banking mereka kepada bilangan maksimum dua (2) orang anak semasa Tempoh Promosi untuk membolehkan anak

mereka menikmati keistimewaan Priority Banking eksklusif yang disenaraikan di bawah ("**Keistimewaan PB Next-Gen**"):

- a. Pengurus Perhubungan Khusus untuk membantu PB Next-Gen (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 7 di bawah) dengan segala keperluan kewangan mereka;
  - b. Akses ke semua Pusat Perbankan Prioriti HLB seluruh negara;
  - c. Perkhidmatan 'Green Lane' di semua cawangan Hong Leong seluruh negara;
  - d. Kad Debit Visa Hong Leong Priority Banking Eksklusif;
  - e. Deposit Tetap Priority Banking Premium Eksklusif (tempoh 6,12, 24 bulan);
  - f. Jemputan untuk pratonton eksklusif pelancaran hartanah dengan rakan strategik, harga istimewa dan tawaran;
  - g. Jemputan eksklusif untuk seminar, prospek pasaran, acara gaya hidup;
  - h. Kadar/caj jualan istimewa ke atas produk dan kempen pelaburan; dan
  - i. Hidangan ringan disajikan di Pusat Perbankan Prioriti HLB.
7. Untuk mengelakkan keraguan, istilah 'anak' di bawah Klausa 6 merujuk kepada anak sendiri atau anak angkat yang sah Pemegang Akaun Utama dan haruslah memenuhi syarat berikut ("**Pelanggan yang Layak**" atau "**PB Next-Gen**"):
- a. berumur antara 18 hingga 39 tahun;
  - b. memiliki sekurang-kurangnya satu (1) CASA atau FD bersama dengan Pelanggan PB (Pemegang Akaun Utama); dan
  - c. memiliki sekurang-kurangnya satu (1) CASA utama dengan baki deposit minimum.
8. PB Next-Gen layak menikmati Keistimewaan PB Next-Gen sehingga ulang tahun kelahiran ke-40 mereka sahaja. Selepas itu, PB Next-Gen dikehendaki mengekalkan baki minimum AUM seperti yang digambarkan di bawah Klausa 2 di atas bagi menikmati Keistimewaan PB Next-Gen.

Untuk menikmati Keistimewaan PB Next-Gen, Pelanggan PB harus mengunjungi Pusat Perbankan Prioriti HLB berhampiran mereka semasa Tempoh Promosi bersama dengan PB Next-Gen. Sebagai alternatif, Pelanggan PB boleh merujuk kepada Pengurus Perhubungan HLB masing-masing ("**RM**") untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai Promosi ini.

Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan PB dikehendaki mengisi Borang Perisytiharan Hubungan ("**Borang**") yang disediakan oleh RM untuk mengisytiharkan bahawa PB Next-Gen adalah anak beliau. PB Next-Gen diminta untuk melaksanakan Borang Pembukaan Akaun Peribadi PB HLB ("**Borang Pembukaan Akaun**"). Borang Pembukaan Akaun dan Borang yang telah disempurnakan haruslah diserahkan kepada RM, dan RM kemudiannya akan menyerahkan dokumen ini ke Ibu Pejabat HLB.

Sekiranya Pelanggan PB dan PB Next-Gen gagal melengkapkan dan menyerahkan Borang dan Borang Pembukaan Akaun, mereka akan dibatalkan daripada menyertai Promosi ini.

## **TERMA DAN SYARAT AM**

9. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan PB dan PB Next-Gen bersetuju:

- a. untuk membaca, memahami, dan bersetuju mematuhi T&S yang terkandung di sini;
  - b. bahawa semua rekod urus niaga yang diambil oleh sistem HLB dalam Tempoh Promosi dan senarai Pelanggan PB dan/atau PB Next-Gen haruslah tepat dan muktamad;
  - c. bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan PB dan/atau PB Next-Gen;
  - d. bahawa T&S yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Priority Banking dan Terma dan Syarat Am Akaun haruslah dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S khusus yang terkandung di sini akan mengatasi setakat percanggahan tersebut; dan
  - e. untuk mengakses Laman Web HLB secara kerap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau pindaan terhadap T&S.
10. PB Next-Gen seterusnya bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Priority Banking HLB, dan Terma dan Syarat Am Akaun.
11. HLB berhak untuk:
- a. menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan notis terlebih dahulu menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarkan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB; dan
  - b. membatalkan mana-mana Pelanggan PB dan/atau PB Next-Gen atas apa jua sebab sebagaimana HLB boleh menurut budi bicara mutlaknyanya yang dianggap sesuai untuk menyertai Promosi ini.
12. Pelanggan PB dan/atau PB Next-Gen yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan, perbuatan yang menyalahi undang-undang berhubung dengan mana-mana perkhidmatan dan/atau kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak untuk menyertai Promosi ini.
13. T&S yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan PB dan/atau PB Next-Gen bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia.
14. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang merujuk tunggal yang lain termasuk jamak dan sebaliknya.

**Akaun deposit dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

**PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA. APA-APA WANG YANG**

**DIKELUARKAN DARIPADA DEPOSIT YANG DILINDUNGI PIDM UNTUK TUJUAN MEMBELI APA-APA PRODUK PELABURAN TIDAK LAGI DILINDUNGI OLEH PIDM.**